

UMT adakan program penghayatan Pulau Bidong

SH 16/03/07 pg. T4

AHMAD NURUL FAKHRI

KUALA TERENGGANU – Kira-kira 54 peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi serta jawatankuasa pelaksana Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengikuti program Hari Penghayatan Persekitaran Pulau Bidong 2007, di sini, semalam.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr Sulaiman Md Yassin berkata, UMT melalui Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) memainkan peranan penting dalam mengawal selia Stesen Penyelidikan Pulau Bidong khususnya dalam memastikan persekitaran

kawasan itu berada dalam keadaan bersih.

“Program ini adalah sebagai usaha UMT menyahut seruan kerajaan berhubung kesedaran terhadap menjaga alam sekitar adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kesinambungan

“Program ini adalah sebagai usaha UMT menyahut seruan kerajaan berhubung kesedaran terhadap menjaga alam sekitar.”

- Sulaiman Md Yassin

keindahan yang boleh di kecapai oleh generasi akan datang,” katanya ketika merasmikan Program Hari Penghayatan Persekitaran pulau Bidong 2007 terbabit.

Menurut Sulaiman, program penjagaan persekitaran secara bersama UMT dengan agensi luar khususnya untuk mengukuhkan hubungan secara ‘Mutal Cooperation’ atau kerjasama bersama.

Katanya, stesen itu merupakan salah satu daripada stesen penyelidikan di bawah UMT dan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan fungsi stesen tersebut dapat memberikan keselesaan kepada pengguna khususnya warga UMT.

“Pihak pengurusan universiti menyedari ke-



Sebahagian peserta terlibat dengan program Hari Penghayatan Persekitaran Pulau Bidong 2007 di UMT, Kuala Terengganu.

unikan yang perlu dipelihara dan dipulihara kerana pulau ini menyimpan sejarah yang kaya dengan nilai warisan negara khususnya kepelbagaian spesies flora

dan fauna.

“Keunikan yang terdapat di pulau ini mesti dipertahankan kerana generasi akan datang dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan,” katanya.